

25 NOV 2001

Arroyo-Malaysia

ARROYO MAHU M'SIA BERTINDAK DAHULU TERHADAP MISUARI

MANILA, 25 Nov (Bernama) -- Malaysia patut "bertindak lebih dahulu" terhadap pemimpin Moro Nur Misuari sebelum menyerahkannya kepada Manila untuk dibicarakan kerana memberontak, kata Presiden Gloria Arroyo hari ini.

"Saya berasa amat selesa sekiranya Malaysia dahulu yang mengambil tindakan terhadapnya kerana dia telah melanggar undang-undang Malaysia. Jadi biarlah mereka mengambil tindakan terhadapnya," kata beliau kepada pemberita sejurus selepas menghadiri suatu upacara sembahyang Roman Katolik.

Polis Malaysia telah menahan Misuari serta enam pengikutnya awal pagi semalam kerana memasuki negara itu secara haram dan mereka masih ditahan di Kota Kinabalu, Sabah.

Misuari, yang dipecat oleh Arroyo sebagai gabenor Wilayah Islam Mindanao kerana menghasut rakyat supaya memberontak di Selatan Filipina, melarikan diri ke Sabah dari Jolo apabila tentera Filipina melancarkan gerakan memburunya.

Sebuah mahkamah di Jolo turut mengeluarkan arahan agar dia ditangkap tanpa membenarkan ikat jamin.

Hukuman bagi memberontak di Filipina ialah penjara selama 20 tahun.

Misuari telah melancarkan pemberontakan untuk menggagalkan pilihan raya bagi memilih gabenor Islam untuk wilayah Mindanao yang dijadualkan berlangsung esok sebagai suatu usaha untuk membolehkannya terus berkuasa.

Arroyo berkata beliau telah mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Luar Negara dan Jabatan Keadilan supaya mengiktiraf hak Kuala Lumpur untuk menjalankan siasatan terhadap Misuari.

Katanya setelah Malaysia selesai mengambil tindakan terhadap Misuari, "kita boleh membuat keputusan mengenai penghantaran pulangnya untuk menghadapi tuduhan memberontak di mahkamah Filipina."

"Undang-undang perlu dilaksanakan dan mereka yang bertanggungjawab terhadap serangan di Sulu dan di mana-mana juga mesti diadili," katanya.

Arroyo berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana telah bertindak pantas menangkap pemimpin Islam Filipina itu.

"Saya menghubungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi untuk mengucapkan terima kasih kepada beliau atas tindakan segera kerajaannya memenuhi permintaan kami supaya menolong menahan Misuari dan pengikutnya," katanya.

Arroyo berkata "kita akan membiarkan Malaysia menjalankan siasatan terhadapnya terlebih dahulu kerana dia telah melanggar undang-undang mereka dan mendakwanya mengikut undang-undang mereka."

"Sebab, seperti apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri (Dr Mahathir) semalam, dia (Misuari) telah memasuki Malaysia secara haram dan juga menjadi ancaman kepada keselamatan Malaysia dan mereka mempunyai Akta Keselamatan Dalam Negeri,"

Arroyo berkata walaupun tidak ada perjanjian ekstradisi antara kedua-dua negara anggota ASEAN itu, tetapi kedua-duanya berpegang kepada aturan hubungan dua hala dan pelbagai hala yang meliputi keganasan dan jenayah transnasional.

Katanya, Manila juga telah memaklumkan kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang pernah terlibat dalam rundingan damai dengan pejuang Islam di Mindanao tentang kes Misuari itu.

-- BERNAMA

LBJ AT SP FAZ

